

MALAYSIA MAHU NAM DAN PBB

U.M. 2 SEP 1992

Daripada
Khalid Mohd.

JAKARTA 1 Sept. — Malaysia mahu Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) diubah corak dan fungsinya supaya negara yang kuat dan kaya tidak terus angkuh dan bermaharajalela.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu ucapan yang padat dan lantang pada Sidang Kemuncak NAM di sini petang ini berkata, jika perubahan ini tidak dibuat mereka yang kuat dan kaya itu akan terus mengancam dan mencabar mereka yang miskin dan lemah.

Tegasnya, mereka yang menang dalam Perang Dunia Ke-

dua dulu sudah tidak boleh lagi dibiarkan menguasai Majlis Keselamatan PBB dan menentukan nasib orang lain.

"Dunia sudah berubah dan kuasa-kuasa baru muncul dan perlu diberi pengiktirafan. Komposisi Majlis Keselamatan PBB sudah tidak boleh diterima lagi dalam dunia hari ini," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, apa yang berlaku dalam PBB sekarang menunjukkan sikap tidak peduli terhadap demokrasi dalam urusan hal ehwal antarabangsa.

"Ia menidakkan hak golongan majoriti. Kita tidak perlu lebih ramai anggota tetap Majlis Keselamatan dengan hak untuk veto," katanya.

Beliau menekankan, apa yang perlu ialah pernyataan yang lebih saksama dalam majlis itu.

LIHAT MUKA 2

DIUBAH FUNGSI

**UM 2 SEP 1992
MALAYSIA MAHU FUNGSI NAM DAN PBB DIUBAH**

Dalam menghadapi ancaman dan cabaran dunia satu pola ini, Dr. Mahathir mahu tujuan dan peranan pergerakan berkecuali diubah, jika tidak, ia akan menjadi pertubuhan yang tidak berguna.

Beliau juga mahu NAM mendokong prinsip-prinsip baru serta menetapkan matlamat-matlamat baru, sesuai dengan keadaan dunia hari ini.

NAM juga, katanya, perlu diberikan nama baru.

Katanya, NAM mestilah melindungi dirinya daripada pelaksanaan idea-idea pihak lain ke atasnya dalam gerakan untuk mencorakkan era selepas Perang Dingin.

Kata Dr. Mahathir, memandangkan kepada pelanggaran hak asasi manusia serta tingkah laku mereka yang kuat dan kaya ke atas golongan yang lemah, NAM perlu dikembalikan dan dijadikan satu ikatan yang kuat untuk mengelak apa yang disifatkan sebagai penghidupan semula penjajahan lama Barat.

"Kita bukan hendak cari gaduh dengan sesiapa. Kita tidak berada dalam kedudukan untuk bergaduh. Tetapi, kita perlu melindungi diri kita dan perlindungan ini memerlukan kekuatan," ujar Perdana Menteri.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, Tata Baru Dunia tidak boleh ditentukan oleh beberapa negara saja dan

dipaksakan ke atas negara lain yang lebih ramai.

Mereka yang sedikit itu, katanya, sudah tentu sedar sekarang bahawa negara kecil yang dianggap lemah tidak selalunya menyerah kepada mereka tanpa berlawan.

Tata Baru Dunia, tegas beliau, hendaklah dicorakkan secara yang lebih realistik dan bukannya dalam suasana mabuk kemenangan demokrasi Barat ke atas kuku besi komunis ataupun bukan kerana kemenangan pasaran bebas ke atas ekonomi tertutup.

Perdana Menteri mengingatkan persidangan itu bahawa tidak ada sistem yang tepat yang dapat mengatasi ketidaksempurnaan manusia.

"Apa yang berjalan baik di sebuah negara atau rantau itu tidak semestinya berjalan baik di negara lain.

"Pemaksaan tidak boleh dijadikan cara untuk menyebarkan apa yang kita percaya ke atas orang lain," katanya.

Dr. Mahathir memberitahu sidang kemuncak bahawa NAM perlu juga memberi pertimbangan yang serius terhadap kerjasama yang bersungguh-sungguh dalam bidang-bidang bukan politik.

Salah satu bidangnya ialah kerjasama ekonomi dan perdagangan di kalangan negara-negara membangun.

Tegas Perdana Menteri, NAM tidak boleh menyalah-

kan segala kelemahannya kepada faktor-faktor luar saja dan ia sendiri perlulah mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan rumahtangnya sendiri supaya penduduknya dapat menikmati hasil kemajuan sungguhpun suasana ekonomi antarabangsa terus tidak menyebelahnya.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, Pergerakan Berkecuali masih lagi relevan walaupun ia sudah tidak sama lagi seperti zaman Perang Dingin dulu.

"Dunia satu pola penuh dengan ancaman dan cabaran. Untuk menghadapinya kita perlu bergantung antara satu sama lain dengan lebih erat lagi," katanya.

Oleh kerana cuma ada satu saja kuasa besar sekarang, kata Dr. Mahathir, negara-negara Pergerakan Berkecuali boleh menjangka lebih banyak ancaman pada masa hadapan dan jika tidak ada penyatuan:

"Satu demi satu kita akan menyerah kepada mereka tetapi jika kita bersama, kita mungkin masih boleh mengekalkan kemerdekaan dan maruah kita. Kita mestilah membuat keputusan kita sendiri, kalau tidak, orang lain akan memutuskan untuk kita.

"Kita tidak boleh mengharap apa yang diputuskan oleh orang lain akan menyebelahi kita," ujar Perdana Menteri.